



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “PEMULIHARAAN MUSHAF AL-QURAN – SUATU KEWAJIPAN”

27 Januari 2023 / 5 Rejab 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “PEMULIHARAAN MUSHAF AL-QURAN - SUATU KEWAJIPAN”

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr ayat 9:

﴿ إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

*Mushaf* ialah perkataan bahasa Arab yang secara harfiah, bermaksud ‘kulit’, iaitu kulit buku, tetapi digunakan dalam hubungan ini untuk merujuk kepada senaskhah kitab Al-Quran. Syeikh Muhammad bin Umar mentakrifkan *al-mushaf* sebagai setiap benda yang ditulis padanya sesuatu daripada Al-Quran dengan tujuan pembelajaran seperti kayu, atau tiang atau dinding. Menurut *al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*; *al-Mushaf* ialah nama yang ditulis padanya kalam Allah SWT antara dua kulit.

<sup>1</sup> Memuji Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Takwa



Boleh dirumuskan, sifat *mushaf* itu adalah sesuatu yang ditulis di atasnya ayat Al-Quran, sama ada ditulis pada kertas atau kain dengan menggunakan dakwat, begitu juga ukiran berbentuk huruf pada batu, kayu atau tanah.

Al-Quran ialah kitab yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, melalui malaikat Jibril AS, secara berperingkat-peringkat, mengambil masa 22 tahun, 2 bulan, 22 hari. Al-Quran memiliki pelbagai mukjizat antaranya mukjizat bahasa, sains, syariat, matematik, perkhawaran lalu dan masa depan. Al-Quran disusun bermula surah Al-Fatihah dan berakhir dengan surah An-Nas. Orang yang membaca Al-Quran diganjar kebaikan.

Ayat 9 surah al-Hijr yang dibacakan pada awal khutbah, menegaskan kesucian dan kemuliaan Al-Quran kekal terpelihara sejak diturunkan. Satu keistimewaan bagi Al-Quran berbanding kitab samawi yang lain kerana nasnya dipelihara oleh Allah SWT sehingga ke hari kiamat. Dengan jaminan Allah SWT, kitab suci Al-Quran terpelihara daripada sebarang perubahan, dan bersinarlah cahayanya ke seluruh dunia. Walaupun begitu, manusia yang diamanahkan sebagai khalifah Allah di bumi ini, dipertanggungjawabkan untuk memelihara kesucian Al-Quran.

Akhbar bertarikh 27 Disember 2022, melaporkan kira-kira 7 tan bahan hiasan berasaskan ayat Al-Quran, ditemui di lokasi pembuangan sampah haram, di Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. Akhbar juga melaporkan, pada 21 Januari 2023, Ramus Paludun, seorang pemimpin politik berhaluan kanan di Sweden, membakar Al-Quran di hadapan kedutaan Turkiye di Stockholm. Perbuatan melampau tersebut mencetuskan kemarahan umat Islam di serata dunia. Sikap Kerajaan Sweden yang membenarkan Ramus Paludun membakar Al-Quran dan perbuatan melampau Ramus Paludun, dikecam dan dibantahi keras oleh Malaysia dan beberapa negara Islam, juga oleh beberapa negara bukan Islam di serata dunia. Insiden sebegini amat memilukan hati umat Islam kerana Al-Quran ialah kitab suci lagi mulia.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar memperingatkan akan adab terhadap penjagaan Al-Quran;



**Pertama:** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-13, sejak tahun 1985, menetapkan orang bukan Islam diharamkan menulis, mengukir, membentuk, mempamerkan dan menjual barang-barang yang mengandungi ayat suci Al-Quran.

**Kedua:** Al-Quran tidak boleh dilangkah atau diletakkan di atas lantai, atau di tempat yang terdedah kepada kemungkinan berlakunya kerosakan seperti dimakan anai-anai, hujan, banjir dan sebagainya.

**Ketiga:** Berwuduk serta tidak dalam keadaan berhadap ketika menyentuh Al-Quran yang lengkap, kecuali Al-Quran yang berformat cakera optik atau paparan skrin telefon, dan Al-Quran untuk orang buta.

**Keempat:** Al-Quran tidak boleh dibawa ke tempat yang jijik dan tercemar seperti ke dalam tandas dan seumpamanya.

**Kelima:** Al-Quran yang mahu dihantar melalui kiriman pos, hendaklah dilakukan secara berdaftar, dibungkus dengan sempurna, dan diletakkan nota pemakluman agar pihak penghantar mengetahui isi kandungan kiriman. Walau bagaimanapun kaedah menghantar secara pos tidak digalakkan.

### **Para tetamu rumah Allah,**

Memuliakan Al-Quran tidak sekadar di peringkat memuliharanya, malah meliputi urusan pelupusan. Al-Quran yang telah rosak dan uzur, sama ada dimamah usia, atau kerana musibah banjir dan sebagainya, perlu dilupuskan dengan kaedah yang memperlihatkan adab memuliakannya. Sejarah Islam merakamkan perihal pelupusan Al-Quran pada zaman Saidina Uthman Bin ‘Affan RA melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

Sesungguhnya ‘Uthman bin ‘Affan R.A memerintahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Sai’d bin al-‘As dan ‘Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisyam supaya menulis semula dalam bentuk salinan *mushaf* yang sempurna, ‘Uthman berkata kepada tiga orang lelaki Quraish: Sekiranya kamu tidak bersetuju dengan Zaid bin Thabit berkaitan sesuatu hal dalam Al-Quran, maka tulislah dalam gaya bahasa Quraish, sesungguhnya Al-Quran diturunkan dengan bahasa mereka, lalu mereka melakukannya, sehingga menjadi banyak salinan daripadanya (*mushaf*), kemudian ‘Uthman memulangkan *mushaf* yang asal kepada Hafshah, dan dikirim ke seluruh pelosok dunia,



kemudian ‘Uthman memerintahkan supaya segala *mushaf* selain daripada *mushaf* yang asal dibakar. Riwayat al-Bukhari (4987)

Hadis ini membuktikan harus membakar *mushaf* Al-Quran atau bahan yang mengandungi ayat Al-Quran dengan tujuan menjaga kesucian. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-30 telah menetapkan beberapa cara untuk melupuskan Al-Quran;

**Pertama:** Dibakar atau pun ditanam.

**Kedua:** Dibuat secara berasingan, bebas daripada bahan-bahan lain.

**Ketiga:** Bahan yang telah dilupuskan tidak boleh digunakan semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.

Perlu diberikan perhatian beberapa perkara jika pelupusan dilakukan secara pembakaran, antaranya;

**Pertama:** Bahan yang mengandungi ayat Al-Quran hendaklah dibakar secara menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar.

**Kedua:** Bahan atau debu yang mengandungi ayat Al-Quran yang telah dibakar hendaklah dikumpulkan supaya tidak ditiup angin atau bersepah.

**Ketiga:** Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih, atau tempat yang tidak dilalui orang, atau dibuang ke dalam laut, atau sungai yang airnya mengalir.

**Keempat:** Kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama atau pihak yang mahu melupuskannya.

Di negara kita, Kementerian Dalam Negeri ialah pihak berkuasa yang ditugaskan untuk menjalankan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan teks dan bahan Al-Quran. Kementerian Dalam Negeri melalui Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran berperanan sebagai panel semakan bagi memastikan ketepatan Al-Quran sebelum dibenarkan dicetak.



## Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar memperingatkan beberapa perkara;

**Pertama:** Kewajipan memuliakan dan menyanjung tinggi al-Quran.

**Kedua:** Mengetahui adab penjagaan dan pelupusan al-Quran.

**Ketiga:** Bersahabat dengan Al-Quran supaya menjadi teman hidup melalui amalan bacaan harian, dan lebih penting berupaya memahami dan menghayati kandungan Al-Quran untuk dijadikan panduan hidup.

**Keempat:** Memastikan Al-Quran yang dimiliki, mempunyai pengesahan daripada Kementerian Dalam Negeri, sebagai bukti keabsahan naskhah tersebut telah melalui proses penapisan.

**Kelima:** Di Negeri Perak, Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak berperanan menguruskan pelupusan Al-Quran. Hubungi mereka di talian 05-2084907 untuk mendapatkan panduan dan nasihat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, jadikanlah Al-Quran sebagai imam, cahaya, petunjuk, serta rahmat bagi kami; ingatkanlah kami daripadanya apa yang telah kami dilupakan, dan ajarkan kami daripadanya apa yang kami jahil, serta rezekikanlah kami untuk membaca Al-Quran pada waktu siang dan malam, dan jadikan Al-Quran sebagai hujah kepada kami.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mul!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.